

Headline	TH Negeri Sembilan bantu murid pinggir bandar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	19	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,274
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,821



TH Negeri Sembilan bantu murid pinggir bandar

Seremban: Tabung Haji (TH) Negeri Sembilan terus tekad membantu calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) sama ada di bandar mahupun pinggir bandar.

Terkini, kakitangan TH Seremban dan Tampin berganding bahu menganjurkan Seminar Bimbingan UPSR dengan kerjasama BH di Sekolah Datuk Abdul Razak, dekat sini.

Kira-kira 260 murid Tahun Enam dari 11 sekolah bandar ini menyertai program berkenaan.

Saintis terkenal

Murid Sekolah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar 2, Nur Aliah Azham, berkata beliau bersyukur kerana terpilih untuk mengikuti program sehari tajaan TH itu.

Katanya, beliau mendapat

beberapa panduan baharu untuk mengulang kaji subjek Sains sebelum menghadapi UPSR September ini.

"Saya berharap mendapat keputusan 5A untuk meneruskan pengajian dalam aliran sains di sekolah menengah.

"Cita-cita saya mahu menjadi saintis terkemuka," katanya.

Murid SK Paroi, Madiha Nabilah Zul, berkata penceramah Matematik berjaya menunjukkan kaedah yang mudah untuk merungkai

kehendak soalan.

Beliau berkata, teknik berkenaan akan diamalkan dalam mengulang kaji subjek berkenaan.

"Saya kini melihat Matematik sebagai subjek yang tidak susah," katanya.



Sebahagian peserta Seminar BH Didik di Sekolah Datuk Abdul Razak.



"
Saya kini melihat **Matematik sebagai subjek yang tidak susah"**

Madiha Nabilah Zul,
Murid SK Paroi